



## KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

### MAKLUM BALAS MEDIA

#### ISU TULAR BERKENAAN KOMEN BERSIFAT PERKAUMAN TERHADAP S. KISONA

---

Putrajaya, 4 Oktober 2021 - Kementerian Perpaduan Negara amat kesal di atas komen berunsur perkauman yang telah dibuat oleh seorang pengguna media sosial terhadap pemain badminton perseorangan negara, Kisona Selvaduray ekoran kekalahan atlet tersebut di tangan pemain Jepun, Akane Yamaguchi dalam aksi separuh akhir Piala Sudirman.

2. Sukan telah sekian lama menjadi tapak integrasi perpaduan yang menyatukan kita semua tanpa mengira bangsa, kaum dan agama, namun ia telah dicemarkan oleh sikap segelintir individu yang tidak bertanggungjawab dan tidak sensitif yang mencetuskan api kemarahan dan perpecahan.
3. Justeru, seluruh rakyat Malaysia terutamanya pengguna media sosial diingatkan jangan sesekali bermain dengan kata-kata yang boleh mencetuskan api perkauman. Walaupun hanya sepatah perkataan, ia tidak wajar sama sekali dalam sebuah negara yang memiliki kepelbagaiannya kaum dan kerencaman budaya seperti negara kita. Semua pihak perlu mengelak daripada menggunakan kata-kata yang boleh menguris hati dan perasaan kaum-kaum lain demi menjaga perpaduan dan keharmonian Keluarga Malaysia.

4. Kita adalah Keluarga Malaysia, tidak kira sama ada kita bangsa Melayu, Cina, India atau mana-mana kaum dan etnik sekalipun, semangat sebagai sebuah Keluarga Malaysia perlu disemai, dipupuk dan dipelihara agar kita dapat terus hidup dalam keharmonian dan kesejahteraan.

**-TAMAT-**

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 (88)